

**Umno Kuala Kedah Pupuk Generasi Muda Jadi Aset Penting Negara**  
**Bername**  
**23 Oktober, 2012**

ALOR SETAR, 23 Okt (Bernama) -- Umno bahagian Kuala Kedah Selasa melancarkan program Konvoi Bermotosikal membabitkan golongan muda sebagai usaha mendekatkan mereka dengan masyarakat untuk menjadi generasi gemilang dan aset penting negara.

Program sulung itu bermula di Perumahan Pangsa Tongkang Yard di sini dan disertai hampir 300 orang menunggang 150 buah motosikal sambil membawa bendera Umno serta Barisan Nasional (BN).

Naib ketua Umno bahagian, Datuk Abdul Mutholib Harun berkata dalam perjalanan melalui beberapa kawasan sejauh 30 kilometer itu, mereka turut menziarahi beberapa orang warga emas dan veteran Umno.

Destinasi konvoi itu berakhir di Taman Kota Nelayan Kuala Kedah, malam Rabu dan mereka akan mengedarkan risalah mengenai dasar serta usaha kerajaan membantu rakyat melalui pelbagai program, katanya kepada pemberita selepas melancarkan konvoi itu.

"Golongan muda sekarang suka menunggang motosikal. Jadi saya rancangkan satu program berfaedah selain sebagai tanda mereka anggota komponen masyarakat yang dihargai.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704277>